

Dua cara peruntukan kepada Kerajaan Negeri

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan tidak pernah mengeneikan teguran Ketua Audit Negara, kata Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah di Dewan Rakyat hari ini.

Bellau berkata, setiap teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara akan disusuli dengan pembetulan kepada perkara yang perlu dibetuli dan memperbaiki perkara yang perlu dibaiki dan sebarangnya.

Bellau berkata demikian ketika menjawab soalan mulut Encik Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad yang menyatakan seolah-olah ada kementerian-kementerian atau kerajaan negeri yang mengeneikan teguran Ketua Audit Negara seperti yang disebutkan dalam Laporan Audit Negara.

Menjawab soalan tambahan Encik Samsuri Salleh (BN-Balik Pulau) Tengku Razaleigh berkata, sebab-sebab peruntukan kepada negeri-negeri tidak dapat dipenuhi kerana ketidak upayaan kerajaan negeri sendiri menerima peruntukan tersebut.

Antara sebab-sebabnya termasuk masalah projek, pengambilan tanah yang rumit untuk melaksanakan projek-projek yang diperuntukkan.

Bellau juga menerangkan, peruntukan kepada kerajaan negeri diberi dengan dua cara iaitu melalui peruntukan cara langsung dan pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan.

Menjawab soalan tambahan Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar) bellau berkata, sebarang peruntukan yang tidak diambil oleh kerajaan negeri ia akan terus diberi untuk melaksanakan projek itu. "Bagaimanapun jika peruntukan itu tidak digunakan ia boleh ditarik balik," tambahny.

Projek pembangunan

Menjawab soalan asal Encik Nakhale, Tengku Razaleigh berkata, kerajaan memang dari masa ke semasa sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif bagi memperbaiki pentadbiran kewangannya yang meliputi bidang-bidang perakaunan, pentadbiran, pengurusan dan perancangan.

Mengenai projek-projek pembangunan, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang menyeluruh bagi menyelaraskan kaedah-kaedah pentadbiran dan bagi mempercepat proses serta meningkatkan kecerdasan membuat keputusan.

Kerajaan juga sedang memperbaiki lagi pengurusan projek dan akauntability serta keseluruhan keupayaan pelaksanaan", tegas Tengku Razaleigh.

Menjawab soalan mulut Encik Au How Cheong (BN-Telok Anson) bellau menerangkan, kerajaan sedang mengambil tindakan untuk meminda Akta Perusahaan Sekuriti 1973 dengan tujuan untuk melicinkan pentadbiran dan pengawasan pasaran saham tempatan.